

TEKS KLASIK MELAYU: ANTARA MITOS, KHAYALAN DAN LAGENDA DALAM KAJIAN ILMIAH

Nurliana Suhaini
Universiti Melaka (UNIMEL), Melaka

Zuraidah Hassan
Universiti Melaka (UNIMEL), Melaka

Aimi Khairunnisa Abdul Karim
Universiti Melaka (UNIMEL), Melaka

Syazwana Aziz
AADK, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Corresponding Author's Email: nurliana@unimel.edu.my

Article history:

Received : (15 Oktober 2023)

Accepted : (1 November 2023)

Published : (30 Disember 2023)

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan kajian teks klasik Melayu iaitu perbincangan mengenai mitos, khayalan dan lagenda. Karya teks Melayu seperti Sulalatus Salatin, Hikayat Hang Tuah, dan Hikayat Raja-Raja Pasai merupakan contoh teks klasik Melayu tradisional yang sangat penting dan memberikan banyak sumbangan terhadap penulisan sejarah kerana terdapat banyak kisah-kisah tentang masyarakat Melayu tradisional dahulu terutama berkaitan kebudayaan, adat istiadat, corak kehidupan dan lain-lain. Namun terdapat segelintir ahli sejarah yang tidak dapat menerima teks klasik Melayu tradisional ini kerana dikatakan condong ke arah penceritaan mitos, legenda dan khayalan yang akhirnya tidak dapat diterima sebagai sumber atau hasil penulisan sejarah ilmiah. Hakikatnya teks klasik Melayu tradisional ini tidak patut terus di label tidak ilmiah kerana mitos dari segi pensejarahan sebenarnya mempunyai peranan yang tidak dapat dielakkan dan peranan tersebut adalah berkenaan kebudayaan Melayu itu sendiri. Kebudayaan dan corak kehidupan rakyat ketika itu membuatkan bentuk penyampaian penulisan atau karya mereka berbentuk hasil penulisan yang mempunyai maksud tersirat di sebalik mitos, khayalan dan legenda. Tambahan pula ahli sejarah profesional juga haruslah terlebih dahulu memahami budaya dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang sangat berpegang kepada konsep daulat dan derhaka yang akhirnya akan memberikan pemahaman yang tepat tentang teks Melayu tradisional. Oleh yang demikian dalam artikel ini akan ditegaskan bahawa adalah tidak wajar ahli sejarah profesional untuk enggan menggunakan teks klasik Melayu tradisional yang dianggap mitos, legenda dan khayalan. Hal ini kerana setiap mitos, legenda dan khayalan tersebut mempunyai maksud tersendiri yang akan diberikan penjelasan secara lebih terperinci dalam artikel ini.

Keywords / Kata kunci: Teks Klasik Melayu, mitos, khayalan, pensejarahan, kajian ilmiah.

Pengenalan

Teks klasik Melayu tradisional seperti Sulalatus Salatin, Hikayat Hang Tuah, dan Hikayat Raja-Raja Pasai merupakan contoh teks klasik Melayu tradisional yang penting dan memberikan banyak sumbangan terhadap penulisan sejarah kerana terdapat banyak kisah-kisah tentang masyarakat Melayu tradisional terutama berkaitan kebudayaan, adat istiadat, corak kehidupan dan sebagainya. Namun begitu, terdapat segelintir ahli sejarah atau pengkaji sejarah tidak dapat menerima teks klasik Melayu tradisional ini kerana dikatakan condong ke arah penceritaan mitos, lagenda dan khayalan yang akhirnya tidak dapat diterima sebagai sumber atau hasil sejarah. Oleh yang demikian, dalam kajian ini akan membincangkan mengenai kepentingan teks klasik Melayu tradisional yang seringkali dianggap mitos, lagenda dan khayalan. Hal ini kerana setiap mitos, lagenda dan khayalan tersebut mempunyai maksud tersendiri yang akan diberikan penjelasan secara lebih terperinci.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan penyelidikan secara kualitatif. Iaitu menggunakan pendekatan kaedah analisis dokumen sumber pertama dan sorotan literatur kajian lepas. Selain itu, analisis pengumpulan semua data dengan menggunakan kaedah dokumentasi dari sumber pertama dan artikel turut dilakukan.

Permasalahan Kajian

Disebalik maksud yang diberikan tidak bermakna teks klasik Melayu tradisional ini patut terus dilabel tidak ilmiah. Hal ini kerana mitos dari segi pensejarahan sebenarnya mempunyai peranan yang tidak dapat dielakkan. Peranan tersebut adalah berkenaan kebudayaan Melayu itu sendiri. Umpamanya ketaatan dan patuh kepada sultan, Sebagai contoh dapat dilihat dalam Sejarah Melayu dari aspek kebudayaan yang merangkumi perhubungan dalam masyarakat, keadaan ekonomi, nilai-nilai masyarakat terutama mengenai kelas pemerintah. dan budaya ketaatan rakyat.

Perbincangan

Mitos, lagenda dan khayalan iaitu berhubungan dengan nilai-nilai budaya dan etos kemasyarakatan. Bidang penulisan klasik boleh juga diertikan sebagai penghasilan tulisan pribumi yang belum diresapi oleh nilai dan kaedah Barat. Mitos bermaksud dongeng atau tradisi yang dianggap ada dan biasanya merupakan kepercayaan bukan kejadian (dewa- dewa dan alam seluruhnya). Lagenda pula bermaksud cerita dongeng yang bersangkutan dengan kisah-kisah yang bersejarah terutama mengenai tokoh- tokoh tertentu. Manakala khayalan bererti lukisan gambaran fantasi dan angan-angan. Namun di sebalik maksud yang diberikan tidak bermakna teks klasik Melayu tradisional ini patut terus dilabel tidak ilmiah. Hal ini kerana mitos dari segi pensejarahan sebenarnya mempunyai peranan yang penting. Peranan tersebut adalah berkenaan kebudayaan Melayu itu sendiri. Sebagai contoh dapat dilihat dalam Sejarah Melayu dari aspek kebudayaan yang merangkumi perhubungan dalam masyarakat, keadaan ekonomi, nilai-nilai masyarakat terutama mengenai kelas pemerintah. Budaya ketaatan rakyat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas contohnya dalam karya Hang Tuah iaitu tindakan Hang Tuah membunuh sahabat karibnya Hang Jebat yang telah diarahkan oleh Sultan walaupun sebenarnya tindakan Hang Jebat yang menderhaka kepada Sultan kerana ingin membela nasib malang Hang Tuah. Perwatakan digambarkan ini menunjukkan Hang Tuah bersifat dayus dan sentiasa mengalah kerana selalu menurutkan segala kehendak sultan. Hal ini kerana jika melanggar arahan Sultan, rakyat dikatakan akan memperoleh tular dan dianggap menderhaka kerana Raja sangat berdaulat ketika itu. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa menjadi tradisi orang Melayu ketika itu tidak menderhaka kepada Raja.

Alternatif yang digunakan penulis pada ketika itu untuk mengkritik dan meluahkan perasaan rakyat yang tidak berpuas hati terhadap sultan adalah melalui saluran mitos mahupun lagenda yang mempunyai

fungsi tertentu seperti karya "Singapura Dilanggar Todak" yang mempunyai maksud tersirat. Tulah bererti musibah, bala, bencana kerana menderhaka kepada sultan (Yusuff Hashim dan Kaeh 1975). Sejarah Melayu adalah Persepsi Sejarah dan iaitu kritikan kepada Raja yang tidak mengenang budi dan gagal untuk menghargai jasa orang. Tambahan pula akibat berlainan kebudayaan maka pemahaman yang tepat sukar dicapai. Perkara ini berlaku disebabkan berlaku percanggahan, kejahilan dan kurang faham dari segi agama, bahasa, cita rasa dan latar belakang kemasyarakatan. J.C.Bottoms (1965) antara ahli sejarah profesional barat yang boleh dijadikan contoh kerana beliau tidak memahami kebudayaan Melayu terutama di zaman Kesultanan Melayu Melaka. Beliau tidak dapat menerima cara orang Melayu yang tunduk kepada Raja walaupun secara terang Raja berlaku zalim terhadap rakyat. Bagi orang tempatan perkara ini sudah menjadi adat untuk taat kepada Raja dan tidak mahu menjadi penderhaka. Buruk padahnya sekiranya seseorang terkena tulah Raja yang dikatakan berdaulat ketika itu. Contohnya nasib malang yang menimpa anak pasangan suami isteri iaitu Sang Rajuna Tapa. Orang yang dimaksudkan adalah seorang budak kecil yang telah mencadangkan batang pisang mengganti betis sebagai kubu dan akhirnya Singapura terselamat namun budak kecil ini dibunuh akibat Raja ketika itu mendengar pandangan pembesarnya yang cemburu dengan kebijaksanaan budak itu kerana khawatir budak tersebut akan melangkaui kebijakan para pembesar.

Begitu juga kisah legenda seperti cerita Puteri Gunung Ledang yang berkehendakkan perkara pelik dan tidak logik diterima akal sebagai hantaran seperti tujuh dulang hati nyamuk dan kuman namun tetap juga disediakan oleh rakyat atas arahan Raja serta sifat taat setia rakyat kepada Raja. Namun terdapat kewajaran yang berasas apabila Raja rasa keberatan apabila Puteri Gunung Ledang mengkehendaki semangkuk darah anakandanya. Kemungkinan disebabkan cerita mitos ini J. C. Bottoms (1959) tidak dapat menerimanya walhal sebenarnya mitos ini adakalanya sengaja direka untuk mengutuk sikap Raja yang zalim kerana cuba memuaskan kehendak hatinya dan apabila dikehendaki menyediakan darah daripada anaknya baru dilahirkan. Hal itu menyebabkan Raja berhenti meneruskan cita- citanya iaitu ingin melamar Puteri Gunung Ledang. Jelas penulis benar-benar ingin mengkritik tindakan Raja tetapi kritikan hanya mampu dilakukan dengan cara mitos akibat rakyat terikat dengan prinsip daulat dan derhaka (Hashim dan Kael 1994; Kael,1975). Daulat adalah menuntut taat setia yang tidak boleh dipersoalkan lagi oleh rakyat. Manakala pengertian derhaka pula adalah enggan menurut perintah.

Kepentingan unsur mitos, legenda dan khayalan dalam teks klasik Melayu.

Sumber juga amat penting untuk memastikan kesahihan sesuatu penulisan sejarah, namun penulis ketika itu hanya terdedah kepada sumber lisan dan bacaan. Keadaan persekitaran ketika itu yang mempengaruhi penulis untuk penghasilan penulisan kreatif dan imaginasi tentang asal usul mitos tentang keturunan sesuatu dinasti pemerintahan, legenda tokoh, asal usul sesuatu kejadian, kehidupan di istana dan lain-lain yang dapat dirasai dan dilihat sendiri dalam kehidupan seharian mereka. Tambahan pula menurut VV Joshi (1946), penulis sejarah ketika itu mempunyai tujuan untuk menyampaikan fakta sejarah dalam bentuk sastera dan bahan yang ditulis itu kebanyakan sekadar memuaskan hati seseorang. Buktinya dalam Sejarah Melayu apabila Sultan Alauddin Riayat Shah II meminta Paduka Raja Tun Seri Lanang menulis di Bahagian mukadimah Sejarah Melayu itu Dengan itu Tun Seri Lanang sendiri mempersetujui bahawa beliau mengarangnya untuk memuaskan hati Sultan tersebut.

Seterusnya mitos juga bertujuan menegakkan kedaulatan dan membina kuasa suci serta menunjukkan sifat luar biasa seseorang Raja. Hal Ini disokong oleh A.E Teeuw dan D.K Wyatt, yang menyatakan bahawa mementingkan keundangan dalam kalangan penaung iaitu samada pemerintah atau kerajaan. Keadaan ini berlaku akibat masyarakat Melayu tradisional amat mengutamakan faktor keturunan dalam kekeluargaan. Tindakan menonjolkan keistimewaan atau keajaiban pemerintah atau kerajaan mereka menjadikan mereka golongan istimewa. Dalam Sejarah Melayu sendiri Raja diletakkan setaraf dengan nabi iaitu sebagai pengganti Allah di muka bumi. Tardjan Hadijaja turut menegaskan bahawa Raja seperti bayang-bayang Allah di dunia manakala Liaw fock Fang dalam buku undang-undang Melayu menyatakan sultan-sultan Melaka bermula dengan Muhammad Syah hingga Mahmud Syah sebagai Khalifah Allah di dunia. Dalam keadaan ini jelas kemahiran penulis bukan mementingkan bidang

ilmiah sejarah seperti zaman kini tetapi lebih mengutamakan penaung dan masyarakat sekitarnya yang bermaksud mempunyai semangat yang tinggi untuk mengagung-agungkan bangsa sendiri sahaja.

Hal ini dapat disokong dengan kata-kata J.M.Gullick bahawa sejarah bangsa Melayu seperti yang tergambar dalam Sejarah Melayu memainkan peranan sebagai pemancar tradisi dan nilai-nilai masyarakat terutama kelas pemerintah. Oleh yang demikian sedikit dakyah diselitkan mengenai Raja seperti Raja merupakan pilihan Tuhan dan bayangan tuhan di muka bumi. semacam ini mungkin akan dianggap mitos atau dongeng dan karut bagi sesetengah ahli sejarah profesional kerana tidak mempercayai konsep ajaran islam namun hal ini terbukti ketika Raja Iskandar mengahwini puteri Raja Kida Hindi iaitu Puteri Shahrul-Bariyah upacara akad nikah bukan dilangsungkan oleh kadi tetapi oleh Nabi Allah Khidir" Justeru itu perkara ini adalah mitos asal usul yang bertujuan memaparkan Raja tersebut istimewa dan luar biasa juga agung serta berdaulat dari segi keturunannya.

Juga mitos yang berkaitan dengan Raja apabila proses pengislaman berlaku di kawasan Nusantara ini. Mitos ini direka adalah untuk mengagung- agungkan Raja sehingga tahap tertinggi iaitu melibatkan nabi dan Rasulullah S.A.W. Kelainan yang dapat ditonjolkan dalam mitos ini adalah tujuan pengarang mengagung-agungkan Raja adalah untuk mempertandingkan martabat serta kedudukan Raja - Raja Melayu. Gambaran ini jelas apabila dua kisah pengislaman Raja diceritakan iaitu pertamanya Merah Silu yang merupakan Raja negeri Samudra telah diislamkan oleh Fakir Muhammad iaitu seorang Raja dari Mu'tabar. Setelah Merah Silu diislamkan, beliau telah bermimpi berjumpa dengan Nabi Muhammad S.A.W yang kemudiannya menyuruhnya membuka mulut lalu diludahnya ke dalam mulut Merah Silu. Setelah jaga dari tidur, didapati tubuhnya berbau narwastu dan apabila Fakir Muhammad membawa al-Quran kepadanya terus beliau dapat membacanya. Kisah Raja yang kedua adalah kisah pengislaman Raja Melaka yang bernama Raja Kechil Besar yang telah diislamkan sendiri oleh Rasulullah S.A.W melalui mimpi. Melalui kedua-dua kisah ini jelas menurut Prof. Teeuw memaparkan suatu unsur tandingan martabat dan kedudukan dalam kalangan teks sastera yang bercorak sejarah.

Seterusnya mitos ini dicipta mungkin disebabkan kisah-kisah pembukaan negeri yang melibatkan sesuatu objek seperti pokok mahupun binatang. Keunikan atau keistimewaan yang ada pada objek itu mungkin menyebabkan seseorang berminat seterusnya menamakan negerinya bersempena nama objek tersebut. Fakta ini dapat disokong dengan merujuk kepada nama Temasik yang telah diubah menjadi Singapura. Sang Nila Utama mengubah nama tersebut disebabkan seekor binatang yang berupa 'Singa' dilihatnya dan beliau begitu mengaguminya. Sifat 'Singa' itu telah memukau baginda kerana kelihatan perkasa, pantas, dan tangkas (Muhammad Yusuff Hashim 1992). Sang Nila Utama mungkin berharap dengan meletak nama negerinya sempena nama binatang tersebut, negerinya juga kuat seperti sifat 'Singa' tersebut. Tidak ketinggalan juga unsur simbolik yang terdapat dalam teks klasik Melayu tradisional iaitu sesuatu pengertian sebenar yang terkandung di sebalik sesuatu peristiwa aneh yang berlaku (Muhammad Yusuff Hashim 1992). Perkara ini juga hampir serupa dengan khayalan iaitu gambaram tertentu kerana tidak memaparkan fakta sejarah yang sebenar sebaliknya menyampaikan maksud yang tersirat.

Keadaan ini yang menyebabkan ahli sejarah professional tidak mahu menggunakan teks Melayu klasik tradisional. Hal ini boleh dilihat dalam contoh Arjunawiwaha yang selama ini dianggap sebagai karya epik, sebenarnya adalah sebuah hasil sejarah Jawa yang amat penting dalam pensejarahan Jawa abad ke-10 dan ke-11. Pensejarahan ini menggunakan unsur simbolisasi bagi kerajaan Airlangga. Contohnya, tujuh orang bidadari yang dikahwini oleh "hero" dalam teks tersebut, iaitu Arjuna adalah lambang kepada kekuatan politik dinasti Airlangga selama tujuh keturunan. Legenda juga tidak ketinggalan menjadi punca ahli sejarah profesional menolak teks klasik Melayu tradisional namun hal ini boleh dibela kerana tujuan menonjolkan tokoh legenda ini adalah untuk menunjukkan sikap dan kepahlawanan, kebijaksanaan dan kesaktian orang Melayu.

Tambahan pula dipaparkan juga unsur-unsur ajaib dan keghaiban yang dimiliki oleh orang Melayu terutama apabila ditulis serta disusun galurkan asal-usul atau salasilah Raja- Raja yang memerintah. Kebiasaannya tokoh legenda ini dianggap mempunyai kuasa dan mempunyai wibawa besar dan suci kedudukannya jika dibandingkan dengan rakyat kebanyakan. Tokoh legenda yang tidak asing lagi adalah Hang Tuah yang tidak diceritakan tentang kekuatan, kehandalan, kesaktian, keberanian dalam Sejarah Melayu namun hanya tentang taat setianya terhadap raja tanpa berbelah bahagi sahaja yang disentuh iaitu

membawa motif "pantang Melayu derhaka kepada tuannya". Hang Tuah telah difitnah dan dikenakan hukuman bunuh oleh Sultan namun tetap patuh dan setia kepada Rajanya. Beliau bernasib baik kerana Sri Nara Diraja tidak membunuhnya sebaliknya disembunyikan. Hang Kasturi ingin menuntut bela atas hukuman bunuh yang dijatuhkan kepada Hang Tuah, namun walaupun niat baik kawannya untuk membelanya telah dibunuh akhirnya oleh Hang Tuah sendiri. Hang Tuah Berjaya membuktikan bahawa kebaikan itu dapat mengatasi kejahatan semata-mata untuk berbakti kepada rajanya hingga ke saat yang terakhir.

Kesimpulan

Berdasarkan hujah-hujah yang telah disampaikan telah menunjukkan penulis teks klasik Melayu tradisional mempunyai alasan untuk menyelitkan unsur mitos, legenda dan khayalan dalam hasil penulisan mereka. Kebudayaan dan corak kehidupan rakyat ketika itu membuatkan bentuk penyampaian penulisan atau karya mereka berbentuk hasil penulisan yang mempunyai maksud tersirat disebalik mitos, khayalan dan legenda. Konsep daulat dan derhaka yang dipegang kuat oleh rakyat menyebabkan mereka tidak dapat mengelak dari penulisan seperti itu. Sifat taat dan patuh kepada pemerintah masing-masing juga menyebabkan mereka tidak menjadi penderhaka seterusnya dapat mengelak daripada ditimpa tulah. Malahan sudah menjadi lumrah manusia untuk menonjolkan keagongan dan keistimewaan bangsanya sendiri supaya kemasyurannya tersergah di seluruh dunia maka tidak dapat disangkal lagi corak penyampaian karya mereka yang berbentuk mitos, legenda dan khayalan itu. Oleh yang demikian diharapkan ahli sejarah profesional tidak terlalu rakus untuk melabel teks klasik Melayu tradisional ini sebagai tidak ilmiah dan bersifat sastera semata-mata. Tambahan pula ahli sejarah profesional tersebut haruslah terlebih dahulu memahami budaya dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisional seperti konsep daulat dan derhaka yang akhirnya akan memberikan pemahaman yang tepat tentang teks klasik Melayu tradisional.

Konflik Kepentingan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan tidak dalam pertimbangan oleh jurnal lain. Semua pengarang telah meluluskan semakan, bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

Rujukan

- Abdul Rahman Kaeh. 1975. Naskhah-Naskhah Panji: Satu Huraian. Dewan Bahasa. Jilid 19. No 2; Pp 76-101.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (Jun) 1985. "Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat Kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja-Rakyat Masyarakat Melayu Tradisional seperti yang terdapat di dalam Kitab Sastera Malayu". *Kajian Malaysia*, 3,1.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (Disember) 1985. "Sejarah Melayu: Antara Sejarah dan Dakyah". *Kajian Malaysia*, 3,2.
- Dr.Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Harun Daud. 1993. Sejarah Melayu Satu Kajian dari Aspek Pensejarahan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- J. C. Bottoms .1959. *Malay Historical Works*. south seas society.
- J.M. Gullick. 1970. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teks Klasik Melayu: Antara Mitos, Khayalan Dan Lagenda Dalam Kajian Ilmiah
Nurliana Suhaini, Zuraidah Hassan, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, Syazwana Aziz

- Muhammad Yusuff Hashim. 1992. Pensejarahan Melayu :Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Yusuff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh. 1994. Sejarah Melayu Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan. Selangor :Longman Malaysia Sdn.
- Tardjan Hadijaj. 1964. Adat Raja-Raja Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- V.V. Joshi, 1946. The Problem of History and Historiography, Allahabad: Kitabistan.
- W.G. Shellabear (ed), 1982. Sejarah Melayu, edisi ketiga.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid. 1991. Sejarah Malaysia Pentafsiran dan Penulisan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.